

Staatsvolk dan Kestabilan Politik: Interaksi Etnik Melayu (Bumiputera) Dalam Federalisme Multi Etnik Malaysia

Staatsvolk and Political Stability: Interaction of Malay (Bumiputera) in Malaysian Multi Ethnic Federalism

Abdul Aqmar Ahmad Tajudin^{1*}, Hussain Yusri Zawawi²

¹ *Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pahang, Kampus Raub, 27600 Raub, Pahang, MALAYSIA*

² *Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA*

*Pengarang Utama: aqmartajudin@uitm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/hsp.2025.05.01.004>

Maklumat Artikel

Diserah: 27 Februari 2025

Diterima: 4 April 2025

Diterbitkan: 1 Jun 2025

Kata Kunci

Federalisme multi etnik, majoriti, Malaysia, Melayu Bumiputera, *staatsvolk*

Abstrak

Perbincangan berkenaan etnisiti adalah suatu isu asas dalam membincangkan fenomena sosiopolitik di Malaysia. Kajiannya telah mendapat liputan meluas daripada pelbagai perspektif oleh banyak sarjana tempatan mahupun antarabangsa. Penyelidikan mengenai etnisiti pastinya tidak mengeneipkan perbincangan berkaitan etnik Melayu dan Bumiputera yang merupakan kumpulan etnik majoriti dan paling dominan di Malaysia. Berbeza dengan kajian-kajian etnik majoriti sebelum ini, artikel ini cuba meluaskan perbincangan etnik Melayu (Bumiputera) dalam kerangka *staatsvolk* dan interaksinya dengan struktur federalisme multi etnik Malaysia. Artikel ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif dengan kaedah pengumpulan data primer (temu bual separa berstruktur) dan pengumpulan data sekunder yang kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Berpandukan kepada metodologi tersebut, artikel ini berhujah bahawa *staatsvolk* Melayu (Bumiputera) dengan kedudukan majoriti, kelebihan etnisiti (agama, bahasa, budaya dan kedudukan istimewa) dan keberadaannya yang tersebar di seluruh unit persekutuan berupaya mendorong kestabilan persekutuan melalui cetusan kekuatan demografi etnik majoriti. Walaupun berupaya mendorong wujudnya kestabilan persekutuan, *staatsvolk* Melayu (Bumiputera) turut mendepani beberapa cabaran dan limitasi dalam kelangsungannya sebagai etnik majoriti. Di akhir analisis, artikel ini mendapati bahawa *staatsvolk* Melayu (Bumiputera) akan terus memainkan peranannya bagi mempertahankan, memperjuangkan dan memperkasakan nilai dan identiti utama etnik mereka dalam kelangsungan federalisme multi etnik di Malaysia, sama ada diperingkat kewilayahan, mahupun kebangsaan. Ia akan terus memanfaatkan kelebihannya agar demographic strength terus wujud dalam berhadapan dengan tuntutan dan desakan etnik minoriti.

Keywords

Multi ethnic federalism, majority, Malaysia, Malay Bumiputera, staatsvolk

Abstract

Discussion on ethnicity is a fundamental issue when addressing socio-political phenomena in Malaysia. The study has received extensive coverage from various perspectives by many local and international scholars. Research on ethnicity certainly does not overlook discussions related to the Malay and Bumiputera ethnic groups, which are the majority and most dominant ethnic groups in Malaysia. Unlike previous studies on majority ethnic groups, this article attempts to broaden the discussion on the Malay (Bumiputera) ethnicity within the framework of staatsvolk and its interaction with the multi-ethnic federal structure of Malaysia. This article employs a qualitative research design with primary data collection methods (semi-structured interviews) and secondary data collection, followed by content analysis. Based on this methodology, the article argues that the Malay (Bumiputera) staatsvolk, with its majority status, ethnic advantages (religion, language, culture, and special status), and dispersed presence across federal units, contributes to the stability of the federation through the infusion of demographic strength from the majority ethnic group. Despite its ability to foster federal stability, the Malay (Bumiputera) staatsvolk faces various challenges and limitations in its continuity as the majority ethnic group. In conclusion, the analysis finds that the Malay (Bumiputera) staatsvolk will continue to play a crucial role in upholding, advocating, and strengthening the core values and identity of their ethnic group in the sustainability of Malaysia's multi-ethnic federalism, both at regional and national levels. It will continue to leverage its advantages to ensure demographic strength persists in addressing the demands and pressures from minority ethnic groups.

1. Pendahuluan

Kebanyakan sarjana merumuskan bahawa terdapat tiga perkara yang boleh mencetuskan konflik. Pertama adalah isu agama. Kedua adalah perbezaan ideologi. Ketiga dan yang menjadi fokus perbincangan artikel ini adalah etnisiti. Tiga hal ini perlu diurus dengan penuh kebijaksanaan dan sepenuh perhatian. Jika tidak, ia cenderung mengakibatkan ketegangan dan pada tahap tinggi, boleh mencetuskan konflik berterusan sehingga menyebabkan pembunuhan dan kematian. Apatah lagi jika kumpulan etnik yang menjadi subjek pertikaian dan perdebatan adalah daripada kalangan etnik majoriti atau yang berkomposisi *supermajority* dibandingkan dengan komposisi dan demografi etnik-lain. Maka, kajian mengenai etnik majoriti adalah suatu keperluan dan sangat signifikan untuk ditelusuri. Ini kerana ia boleh menyediakan dan mempersiapkan pemilihan kaedah dan mekanisme tertentu dalam mengurus hubungan antara etnik. Ia juga boleh menjadi piawaian standard kepada kelangsungan kumpulan-kumpulan etnik agar peka dan sensitif, khususnya dengan nilai dan etnisiti kumpulan majoriti. Selain itu, ia juga boleh menghasilkan input-input penting dalam menambah baik dikotomi hubungan antara etnik majoriti dan minoriti, terutamanya dalam bingkai negara yang mempunyai perbezaan signifikan antara etnik majoriti dan minoriti.

Berdasarkan justifikasi di atas, artikel ini cuba menelusuri struktur dan kelangsungan etnik majoriti dalam Persekutuan Malaysia, khususnya dalam rangka konseptual *staatsvolk*. Walaupun kajian mengenai etnik Melayu (Bumiputera) sebagai etnik majoriti telah banyak dilakukan daripada pelbagai sudut dan perspektif sejak Malaysia merdeka, namun kajian yang menganalisis Melayu dalam konteks *staatsvolk* adalah masih terbatas. Jika pun ada, kebanyakan kajian tersebut kurang membahaskan hubungan etnik majoriti dalam konteks negara federal seperti Malaysia. Ia lebih membincangkan dinamika Melayu sebagai etnik majoriti secara umum dan disandarkan sebagai sebuah entiti etnik secara keseluruhan. Ditambah lagi dengan kurangnya perbincangan dalam menganalisis sejauh manakah susunan *staatsvolk* mempengaruhi kestabilan politik, di samping limitasi-limitasi yang muncul terutamanya dalam bingkai federalisme multi etnik. Atas pertimbangan tersebut, maka artikel ini membahagikan perbincangan kepada tiga perkara utama. Pertama, ia membahaskan *staatsvolk* dari sudut konseptual dan perbincangan yang melatarinya oleh sarjana autoritatif. Kedua, ia cuba melihat sejauh manakah etnik Melayu (Bumiputera) memenuhi ciri dan kriteria sebagai *staatsvolk*. Ketiga, artikel ini juga cuba menganalisis sejauh manakah *staatsvolk* Melayu (Bumiputera) berupaya mendorong kestabilan persekutuan, beserta dengan limitasinya.

2. *Staatsvolk*: Konsep dan Perbahasan

Staatsvolk merupakan sebuah istilah daripada bahasa Jerman. Asasnya, ia merujuk kepada kumpulan etnik majoriti dan dominan. Pada suatu tahap, ia ditonjolkan menerusi peleluasaan sifat kebudayaan dan budaya politik kumpulan majoriti. Dalam kata lain, ia berupaya mempamerkan wajah dan imej identiti nasional sesebuah negara. Connor (1994) menggunakan istilah *staatsvolk* untuk menggambarkan sebuah proses di mana kumpulan etnik dominan muncul sebagai kumpulan yang menentukan *national essence* sesebuah negara. Bagaimana dengan kumpulan minoriti? Bagi Connor (1994), elemen kebudayaan dan bahasa mereka dikecualikan dan dilihat tidak melengkapinya syarat untuk diberikan pengiktirafan 'kebangsaan'. Namun, kumpulan minoriti digalakkan dan pada tahap tertentu dipaksa oleh kumpulan etnik dominan untuk melakukan proses asimilasi. Secara keseluruhan, *staatsvolk* boleh dirujuk sebagai sebuah perkumpulan individu daripada kumpulan etnik majoriti dan dominan yang berkongsi persamaan identiti, kebangsaan, bahasa, emosi dan matlamat.

Perbincangan dan perbahasan *staatsvolk* diperdalamkan oleh O'Leary (2001). Dalam analisisnya, beliau cuba mengaitkan hubungan dan interaksi antara *staatsvolk*, kestabilan politik dan sistem politik federal. Bagi O'Leary (2001), istilah *staatsvolk* dapat dirujuk kepada tiga perkara. Pertama adalah kumpulan etnik yang dominan secara demografi walaupun tidak berkomposisi majoriti mutlak. Kedua merujuk kepada kumpulan etnik yang merupakan *co-founders* atau pengasas, merujuk kepada bangsa terawal yang mendiami sesebuah negara persekutuan. Ketiga pula merujuk kepada kumpulan etnik yang 'memiliki' sesebuah negara dan boleh mengawalinya melalui demokrasi mudah (O'Leary 2001). Dalam menghubungkan elemen *staatsvolk*, kestabilan politik dan sistem politik federal, analisisnya mendapati bahawa keberadaan *staatsvolk* dalam negara federal, khususnya yang bermasyarakat majmuk adalah suatu keperluan dalam mendorong kestabilan politik. Beliau menjustifikasikan hal ini dengan menyatakan bahawa keberadaan etnik majoriti boleh memunculkan *demographic strength* atau 'kekuatan demografi' (O'Leary 2001). Kekuatan ini berupaya untuk 'melawan' dan di akhirnya cenderung untuk 'menguasai' jika menghadapi apa-apa ancaman, khususnya daripada kumpulan etnik minoriti. Baginya lagi, kumpulan etnik majoriti tidak mempunyai sebab untuk takut atau bimbang dengan kelangsungan sesebuah sistem politik persekutuan, khususnya yang dilatari oleh elemen kerencaman dan perbezaan antara wilayah. Ini kerana, sifat majoriti dan dominan dapat mengukuhkan kekuatan demografi dan keyakinan kumpulan etnik terbesar tanpa perlu berasa terancam dengan tuntutan atau ancaman kumpulan etnik minoriti (O'Leary 2001:285). Hal ini berupaya mendorong kestabilan persekutuan. Bagi mengukuhkan pernyataan ini, sarjana etnofederalisme seperti Juhasz (2005) menyatakan, "*the more demographic dominance the majority ethnic group enjoys, the more stable an ethno-federation is*" (Juhasz 2005:258).

O'Leary (2001) berhujah bahawa kestabilan sistem politik persekutuan dapat didorong apabila *staatsvolk* di susun secara tersebar di seluruh unit persekutuan. Dalam kata lain, keberadaan kumpulan etnik majoriti tidak tertumpu dalam satu unit persekutuan tertentu sahaja, tetapi ianya turut disusun, diletak dan dipecahkan ke unit-unit persekutuan lain. Membincangkan hal ini, Adeney (2007) berhujah bahawa pecahan atau pembahagian ini dapat mengurangkan risiko potensi kekejaman atau kekerasan kumpulan etnik majoriti, atau apa yang beliau sebut sebagai *tyranny of the majority* (Adeney 2007:175). Selain itu, pembahagian ini juga dapat mengurangkan penguasaan kumpulan etnik majoriti. Malah, jurang perbezaan antara unit turut akan berkurangan. Pengalaman persekutuan Nigeria adalah contoh mudah dalam menggambarkan kelebihan pembahagian ini. Awalnya, tiga wilayah dalam sistem politik persekutuan Nigeria disusun mengikut jalur etnik bagi menampung tiga kumpulan etnik utamanya. Susunan ini mengakibatkan berlaku persaingan antara wilayah dan mengakibatkan Biafra cuba untuk melakukan pemisahan. Situasi pemusatan sesuatu kumpulan etnik dalam sesebuah wilayah ini mirip dengan hujah Hale (2004:192-193) yang menyatakan, "*ethnonational federations where the dominant group is contained within one unit have a high rate of dissolution*". Mengambil pelajaran dari pengalaman ini, sistem politik persekutuan Nigeria disusun semula dengan menambah bilangan wilayah menjadi 19 keseluruhannya (Salawu 2010). Tambahan pula, pembahagian *staatsvolk* turut dapat mengekalkan rasa kepunyaan etnik majoriti terhadap negaranya tanpa sebarang kebimbangan atau kekhuatiran mengenai hak dan kedudukan mereka. Seperti pernyataan Adeney (2007:175),

If a dominant ethnic group is divided, then it still achieves national self-determination in a homogeneous unit, despite the fact that the group is split between different units. The group remains within the same national state, in which, as the dominant group, it cannot feel threatened.

Justeru, pembahagian kumpulan majoriti ke dalam unit-unit persekutuan dapat menyediakan keadaan di mana kumpulan tersebut kurang berkemungkinan mengancam kestabilan sesebuah persekutuan. Tidak hanya itu, ia juga dapat mengurangkan persepsi bahawa *staatsvolk* mengawal kerajaan pusat (Adeney 2007). Sebagai kesimpulan, mengambil kira beberapa faedah dan kelebihan keberadaan *staatsvolk* dan kaedah pembahagiannya, maka dapatlah diujahkan secara sederhana bahawa kehadiran *staatsvolk* cenderung

mendorong wujudnya kestabilan persekutuan, khususnya dalam landskap persekutuan multi etnik. Walaupun begitu, O'Leary (2001:291) tetap mengingatkan bahawa, "*This does not mean that a federation with a staatsvolk will necessarily be stable*".

3. Sorotan Literatur: Federalisme Malaysia dan Persoalan *Staatsvolk*

Jika disingkat perbincangan federalisme di Malaysia, hampir semua perbahasan memfokuskan kepada isu legalistik dan pembahagian kuasa antara kerajaan pusat dan negeri serta hubungan antara keduanya. Simandjuntak dalam bukunya *Malayan federalism, 1945-1963: A study of federal problems in a plural society* (1969) yang meneliti berkenaan masalah dalam federalisme Malaysia (isu kewarganegaraan, bahasa dan pelajaran, kewangan, integrasi ekonomi, pertahanan) berhujah bahawa hal tersebut berlaku disebabkan oleh struktur persekutuan Malaysia yang memihak kepada kerajaan pusat. Shafruddin (1987) dalam bukunya *The federal factor in the government and politics of Peninsular Malaysia* pula menyenaraikan empat komponen yang mempengaruhi dinamika hubungan antara kerajaan pusat dengan kerajaan negeri di bahagian semenanjung, iaitu struktur perlembagaan yang memihak kepada kerajaan pusat, penguasaan kerajaan pusat dalam pengurusan fiskal, kawalan pusat dalam beberapa isu pentadbiran kerajaan negeri atas alasan kepentingan nasional dan dominasi satu parti UMNO dalam hubungan kerajaan pusat-negeri. Seterusnya, Mohammad Agus dalam bukunya *Malaysian federalism: Conflict or consensus* (2006) juga memfokuskan kepada hubungan Kuala Lumpur dengan Kelantan (1955-1995) dan Sabah (1963-1995). Dapatannya menunjukkan konflik berlaku adalah disebabkan oleh pembahagian kuasa yang tidak seimbang dan sentralistik.

Francis Loh pula dalam artikelnya *Restructuring federal-state relations* (2009) turut membincangkan mengenai pemusatan kuasa dalam federalisme Malaysia. Dapatannya hampir sama dengan kajian Shafruddin (1987). Menurutnya, pemusatan kuasa pusat berlaku atas tiga faktor. Pertama, peruntukan perlembagaan yang memihak kepada pusat berbanding kerajaan negeri di mana pusat mengawal bidang-bidang signifikan seperti hubungan luar, pertahanan, keselamatan dalaman, undang-undang, perdagangan, komunikasi, pengangkutan, pendidikan, kesihatan dan perubatan. Negeri hanya berkuasa dalam bidang tanah, lombong, adat dan budaya Muslim, pertanian, perhutanan dan kerajaan tempatan. Kedua, dominasi BN di peringkat pusat. Apabila pilihan raya kerajaan tempatan dihapuskan pada tahun 1970-an, ia membolehkan kerajaan pusat menembusi pentadbiran kerajaan tempatan melalui lantikan ahli-ahli majlis yang menguasai dewan bandaraya, majlis perbandaran, majlis daerah dan lainnya. Dominasi ini terbukti apabila pusat boleh mengenakan tindakan disiplin kepada mana-mana Menteri Besar yang mencabar kuasa prerogatifnya. Ketiga, pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1970. Dasar ini dilihat mengukuhkan lagi kuasa pusat terhadap badan-badan berkanun dan awam.

Harding dan Chin dalam buku mereka *50 years of Malaysia: Federalism revisited* (2014) juga membincangkan federalisme Malaysia dari sudut legalistik dan struktural. Mereka meneliti perkembangan federalisme Malaysia merangkumi struktur persekutuan, federalisme fiskal, politik federalisme, kedudukan Sabah dan Sarawak dan fenomena ancaman pemisahan sempena 50 tahun penubuhan Persekutuan Malaysia. Ostwald dalam artikelnya *Federalism without decentralization: Power consolidation in Malaysia* (2017) turut menganalisis pengukuhan kuasa pusat dalam federalisme Malaysia. Ini kerana kebanyakan agensi, program dan badan berkanun yang mengurus aspek ekonomi dan sosial seperti Economic Planning Unit (EPU) (berfungsi dalam merancang pembangunan negara), Implementation Coordination Unit (ICU), Project Management Unit (PMU) dan Economic Delivery Unit (EDU) diletakkan di bawah pentadbiran Jabatan Perdana Menteri (JPM). Implikasi pemusatan ini mewujudkan ketergantungan yang tinggi kerajaan negeri terhadap kepada kerajaan pusat.

Seterusnya, kajian Ismail Bakar dalam artikelnya *Multinational federation: The case of Malaysia* (2007) dilihat menjadi antara sumbangan signifikan dalam kajian federalisme Malaysia, khususnya dalam meneliti aspek kerencaman etnik, berbanding kajian-kajian sebelum ini yang lebih memfokuskan kepada aspek pembahagian kuasa dan hubungan antara kerajaan pusat-negeri. Analisisnya mendapati bahawa dalam mengurus isu kerencaman etnik dan konflik etnisiti (konflik antara Melayu (Bumiputera) dan bukan Melayu, konflik antara Melayu konservatif yang memperjuangkan penubuhan negara Islam dengan Melayu progresif, konflik antara Bumiputera Islam dan Bumiputera Bukan Islam di Sabah dan Sarawak), kerajaan pusat telah menubuhkan beberapa institusi seperti Kementerian Perpaduan Nasional, Jabatan Perpaduan Negara, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan, Rukun Negara, Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Akta Percetakan dan Penerbitan 1984, Akta Hasutan 1948, dan Akta Polis 1967. Pengkaji tidak menafikan bahawa banyak lagi kajian yang menganalisis isu kerencaman etnik dan hubungan multi etnik di Malaysia seperti dalam kajian Ratnam (1965), Vasil (1980), Goh Cheng Teik (1989), Shamsul (1996), Singh (2001), dan Ting (2009). Walau bagaimanapun, kajian mereka lebih memfokuskan ciri, hubungan dan politik multi etnik di Malaysia *per se* tanpa mengaitkan ciri dan struktur sistem politik persekutuan Malaysia.

Berdasarkan perbincangan dan perbahasan federalisme di atas, kebanyakan kajian lebih menumpukan kepada aspek pembahagian kuasa antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri dan implikasi hubungan antara keduanya. Kajian yang menghubungkan antara federalisme dan isu etnisiti adalah terhad dan tidak banyak dilakukan. Justeru, kajian ini cuba menambah perbahasan tema-tema tersebut dengan menumpukan kepada isu *staatsvolk* dalam kelangsungan Persekutuan Malaysia. Walaupun telah banyak kajian yang menganalisis etnik Melayu (Bumiputera) sebagai etnik majoriti, namun kebanyakan perbahasan tersebut lebih berbentuk perbincangan secara umum tanpa cuba mengaitkannya dengan ciri dan sifat *staatsvolk* seperti yang telah dibincangkan di bahagian konsep penulisan ini. Justeru, kajian ini cuba meneroka ciri, sifat, keberadaan dan potensi Melayu (Bumiputera) sebagai *staatsvolk* dalam bingkai Malaysia sebagai persekutuan multi etnik.

4. Metodologi Kajian

Artikel ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif. Ia cuba menganalisis dan mentafsir fenomena dan peristiwa sosial, khususnya berkenaan struktur dan dinamika kumpulan etnik majoriti dan dominan, yang dirujuk sebagai *staatsvolk*. Melalui pendekatan ini, penyelidik cuba memahami, menghurai dan mengembangkan perbahasan berkenaan unit analisis yang menjadi subjek utama kajian. Dalam proses ini, penyelidik menggunakan konsep *staatsvolk* sebagai alat analisis dalam memandu perbincangan. Dalam konteks pengumpulan data berkenaan *staatsvolk* Melayu (Bumiputera), artikel ini menggabungkan kaedah primer dan sekunder. Primer adalah menerusi temubual separa berstruktur bersama dengan informan-informan yang relevan dengan subjek kajian seperti aktor politik parti Melayu, aktivis kumpulan berkepentingan yang memperjuangkan nilai dan etnisiti Melayu Islam dan ahli akademik. Sekunder adalah menerusi sumber buku, tesis dan jurnal ilmiah. Gabungan kaedah pengumpulan data ini adalah bertujuan untuk mendapatkan data yang bervariasi, khususnya berkenaan dinamika dan kelangsungan etnik majoriti daripada perspektif dan sudut pandangan yang berbeza. Seterusnya, data yang dikumpul akan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan (*content analysis*). Hal ini adalah bagi melakukan rumusan, ringkasan dan kesimpulan yang relevan, khususnya dalam merungkai persoalan dan hubungan antara *staatsvolk* dan kestabilan federalisme multi etnik seperti Malaysia.

5. Melayu (Bumiputera) sebagai *Staatsvolk*

Merujuk kepada perbahasan konseptual *staatsvolk* oleh Connor (1994), O'Leary (2001) dan Adeney (2007) dalam bahagian sebelum ini, jika diaplikasikan dalam konteks Persekutuan Malaysia, jelas bahawa ciri dan sifat *staatsvolk* tersebut lebih selari dengan etnik Melayu (Bumiputera). Demografinya berkomposisi majoriti dengan peratusan sejumlah 69.4% atau 20.6 juta penduduk berbanding etnik Cina (23.2%; 6.9 juta), India (6.7%; 2.0 juta) dan lain-lain (0.7%; 0.2 juta) daripada 29,756,315 populasi keseluruhan warganegara Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia 2020). Terma 'majoriti' ini secara historikalnya pernah mengalami perubahan. Asalnya, ia hanya dirujuk kepada etnik Melayu yang sering dilabel oleh kebanyakan pengkaji sejarah Melayu sebagai etnik asal, *the first nation* atau *son of the soil* (Abraham 1983). Namun, selepas penubuhan Persekutuan Malaysia pada tahun 1963, dengan idea penyertaan bersama wilayah Sabah dan Sarawak, intipati terma 'majoriti' yang sebelum ini hanya merujuk kepada etnik Melayu, telah diluaskan dengan penglibatan warga Sabah dan Sarawak.

Maka, dalam mengaplikasikan Bumiputera sebagai *staatsvolk*, ia memenuhi ciri utama *staatsvolk* sebagai kumpulan etnik majoriti dan terbesar dalam Persekutuan Malaysia. Ia terus menduduki tangga pertama sebagai kumpulan etnik dominan sejak Malaysia merdeka. Dalam konteks susunan atau pembahagiannya pula seperti yang banyak dibahaskan oleh O'Leary (2001), Hale (2004) dan Adeney (2007), umumnya keberadaan *staatsvolk* dalam Persekutuan Malaysia adalah bersifat tersebar ke seluruh negeri dan wilayah persekutuan. Ia tidak mendiami sesebuah wilayah. Etnik Melayu, umumnya Bumiputera terdapat di seluruh bahagian Persekutuan Malaysia dengan peratusan yang berbeza antara setiap negeri. Jadual 1 menunjukkan peratusan kumpulan etnik dalam Persekutuan Malaysia.

Jadual 1: Peratusan kumpulan etnik dalam Persekutuan Malaysia

Negeri	Jumlah	Bumiputera (%)	Cina (%)	India (%)	Lain-lain (%)
Johor	3,690,503	60.1	32.8	6.6	0.5
Kedah	2,038,080	80.1	12.3	6.3	1.3
Kelantan	1,757,199	96.6	2.5	0.3	0.6
Melaka	927,361	71.7	22.1	5.6	0.6
Negeri Sembilan	1,132,229	63.3	21.9	14.3	0.5
Pahang	1,513,230	81.0	14.7	3.7	0.6

Pulau Pinang	1,599,874	44.7	44.9	9.7	0.6
Perak	2,364,837	60.9	27.2	11.5	0.5
Perlis	278,455	88.8	7.4	1.8	2.0
Selangor	6,430,435	60.6	27.3	11.3	0.8
Terengganu	1,123,038	97.6	2.1	0.2	0.2
Sabah	2,608,342	88.7	9.5	0.2	1.5
Sarawak	2,328,397	75.7	23.8	0.2	0.3
W.P Kuala Lumpur	1,773,666	47.7	41.6	10.0	0.7
W.P Labuan	84,288	86.2	11.7	1.1	1.0
W.P Putrajaya	106,381	97.9	0.6	1.2	0.2

Sumber: Diubah suai daripada dokumen Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia (2020)

Berpandukan jadual di atas, ia sekurang-kurangnya mengesahkan keselarian ciri *staatsvolk* berkenaan keperluan untuk mempunyai etnik majoriti yang tersebar di setiap unit persekutuan. Bumiputera tidak hanya terdapat di seluruh bahagian Persekutuan Malaysia sahaja, malah ia turut berkomposisi majoriti di sebahagian besar negeri dan wilayah dalam Persekutuan Malaysia. Kelantan dan Terengganu mencatatkan peratusan tertinggi etnik Bumiputera, iaitu masing-masing berkomposisi 96.6% dan 97.6%. Hanya Pulau Pinang agak kurang menepati ciri *staatsvolk* dengan peratusan Bumiputera sebanyak 44.7%. Namun, peratusan ini sangat tipis dengan perbezaan hanya 0.2% dibandingkan peratusan etnik Cina dengan jumlah 44.9%. Hal ini yang menjadikan Pulau Pinang satu-satunya unit Persekutuan Malaysia yang mempunyai majoriti etnik Cina. Dalam kata lain, di Pulau Pinang, etnik Cina boleh dikatakan sebagai sebuah etnik minoriti nasional, bermajoriti lokal. Jadual 1 juga menunjukkan peratusan kecil etnik India di seluruh bahagian persekutuan dengan Negeri Sembilan memperlihatkan peratusan tertinggi berbanding di negeri dan wilayah lain, iaitu sebanyak 14.3%.

Begitu juga di Sabah dan Sarawak, etnik Bumiputera memperlihatkan peratusan majoriti berbanding etnik lain dengan masing-masing mempunyai komposisi sebanyak 88.7% dan 75.7%. Namun begitu, terdapat satu perbezaan. Di bahagian Semenanjung, Bumiputera yang sinonim dengan Melayu adalah etnik majoriti, manakala di Sabah dan Sarawak pula, Melayu adalah berkomposisi minoriti (Kheng 2003; Thio 2010). Jadual 2 dan Jadual 3 di bawah menunjukkan peratusan kumpulan etnik di Sabah dan Sarawak.

Jadual 2: Peratusan kumpulan etnik di Sabah, 2008-2012

	2008	2009	2010	2011	2012
Etnik					
Bumiputera	589,100	620,200	655,100	662,400	665,900
Melayu	238,500	231,100	224,000	232,300	240,600
Cina	546,800	557,300	295,700	298,300	299,900
Kadazan/Dusun	288,500	292,000	568,700	576,400	589,600
India	9,500	9,500	9,500	10,400	11,100
Bajau	424,800	437,300	450,200	458,200	468,000
Murut	108,600	107,400	102,500	104,500	107,100
Lain-lain	98,600	100,500	100,700	104,300	107,000
Jumlah	3,105,100	3,181,100	3,260,000	3,345,600	3,432,700

Sumber: Diubah suai daripada penerimaan dokumen menerusi aplikasi Portal Data Terbuka Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020

Jadual 3: Peratusan kumpulan etnik di Sarawak, 2008-2012

	2008	2009	2010	2011	2012
Etnik					
Bumiputera	149,200	153,300	157,300	161,500	164,300
Melayu	547,300	558,200	568,800	578,400	590,300
Cina	692,800	705,900	584,100	589,300	595,900
Iban	577,700	581,100	716,400	726,600	738,600
Bidayuh	6,700	7,100	199	201,100	203,100
India	193,300	196,200	7,400	7,200	7,200
Melanau	7,400	8,300	125,400	127,800	129,700
Lain-lain	123,00	124,200	6,800	7,000	7,100

Jumlah	2,408,400	2,450,800	2,487,100	2,527,900	2,569,700
---------------	-----------	-----------	-----------	-----------	-----------

Sumber: Diubah suai daripada penerimaan dokumen menerusi aplikasi Portal Data Terbuka Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020

Data dalam Jadual 2 dan Jadual 3 menunjukkan etnik Melayu adalah berkomposisi minoriti bagi wilayah Sabah dan Sarawak, manakala etnik utama, iaitu Kadazan Dusun dan Iban masing-masing merupakan komposisi majoriti di kedua-dua buah wilayah tersebut. Walaupun etnik Melayu berkomposisi minoriti, namun etnik majoriti lokal—Kadazan Dusun di Sabah dan Iban di Sarawak secara perlembagaannya adalah tergolong dalam satu kumpulan yang sama dengan etnik Melayu, iaitu sebagai Bumiputera seperti yang dibincangkan sebelum ini. Hal ini membuktikan bahawa struktur *staatsvolk* dalam federalisme multi etnik Malaysia bersifat tersebar di seluruh bahagian persekutuan. Struktur *staatsvolk* ini mencadangkan bahawa Persekutuan Malaysia tidak mempunyai unit negeri yang bersifat *core ethnic region* yang berupaya menyebabkan ketidakstabilan apabila sentimen *demographic strength* hanya tertumpu di sesebuah unit persekutuan. Ini kerana bagi Hale (2004:174-176), “*the existence of a single core ethnic region can be particularly threatening to minority republics...strengthening the bargaining position of the core group.*” Justeru jika mengambil hujah Hale (2004), maka struktur dan susunan *staatsvolk* Bumiputera secara konseptualnya berupaya mendorong wujudnya kestabilan federalisme multi etnik Malaysia. Malah, apa yang lebih menarik dan unik tentang *staatsvolk* dalam persekutuan Malaysia adalah ia bukan sahaja mempunyai kelebihan majoriti daripada sudut demografi, kelebihan komposisi yang tersebar di setiap negeri, penetapan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan penetapan agama Islam sebagai agama rasmi, namun struktur *staatsvolk*nya turut diperkuatkan lagi dengan kedudukan dan perlindungan istimewa yang dijamin dalam Perlembagaan Persekutuan (Paul 2010). Berdasarkan premis ini, adakah sifat ‘sebaran’ *staatsvolk* Melayu (Bumiputera) dalam Persekutuan Malaysia ini mendorong wujudnya kestabilan persekutuan? Bahagian seterusnya membincangkan hal ini.

6. Staatsvolk Melayu (Bumiputera): Faktor Kestabilan dan Limitasinya

Kelebihan-kelebihan yang dimiliki oleh *staatsvolk* Melayu (Bumiputera) merupakan antara faktor yang menjadikan *staatsvolk* sangat dominan dan vokal berbanding kumpulan etnik lain. Contoh paling jelas dapat dibuktikan melalui mobilisasi badan bukan kerajaan yang bergerak berpaksikan ideologi dan sentimen Melayu dan Islam. Secara praktiknya, di bahagian Semenanjung, *staatsvolk* Melayu sering mengaplikasikan kelebihan-kelebihan tersebut secara optimum dalam melindungi identiti mereka, khususnya elemen-elemen tradisi yang terdapat dalam perlembagaan persekutuan seperti institusi kesultanan, agama Islam, Bahasa Melayu dan kedudukan istimewa Melayu. Ini bagi memastikan agar kumpulan etnik minoriti dan pihak-pihak tertentu tidak melakukan sebarang tindakan yang bertentangan dengan perkara tersebut. Ia turut didorong oleh kepercayaan segelintir segmen masyarakat Melayu yang berpendirian bahawa kestabilan persekutuan Malaysia hanya akan berlaku jika nilai dan identiti ke-Melayuan khususnya soal agama, bahasa dan budaya tidak dipersoal dan dipertikai oleh mana-mana pihak (Muhammad Fauzi 2021).

Malah, pengalaman federalisme multi etnik Malaysia turut menunjukkan wujudnya kaitan antara *staatsvolk* Melayu dengan perbezaan politik, khususnya apabila melibatkan perubahan kepimpinan kerajaan di peringkat pusat. Misalnya, sewaktu BN hilang majoriti dua pertiga sebagai kerajaan pusat dan kejatuhan lima negeri kepada oposisi dalam PRU 2008, tempoh ini memperlihatkan pentadbiran dan pemerintahan BN pasca PRU 2008 mula mendapat perhatian, khususnya berkaitan dakwaan hegemoni Melayu yang mula tercabar (Abdul Rashid 2009). Selain kepimpinan BN dihujani dengan pelbagai kritikan terutamanya berkaitan dengan kelemahan pengurusan pentadbiran yang menyebabkan peningkatan harga barang, kadar tol, kos sara hidup, gejala rasuah dan jenayah, peningkatan prestasi parti oposisi dalam PRU 12 sebaliknya dari satu sisi bukan sahaja menyerlahkan kelemahan kepimpinan BN, malah ia dari sisi lain juga turut menyaksikan wujudnya fenomena kelangsungan nilai dan identiti *staatsvolk* Melayu. Hal ini dapat dilihat menerusi beberapa peristiwa, contohnya apabila Ketua Menteri Pulau Pinang pimpinan DAP mula mempersoalkan Dasar Ekonomi Baru yang hanya memberi kelebihan kepada etnik majoriti Bumiputera, Menteri Besar Perak mengumumkan pemberian hak milik kekal tanah kepada penduduk kampung baru yang majoritinya adalah etnik Cina untuk menduduki tanah kerajaan dan Kerajaan Negeri Selangor meluluskan pemindahan kawasan ternakan babi seluas 400 ekar ke daerah Sepang yang mana kawasan sekitarnya didiami Melayu (Norhayati Salleh 2008). Justeru, fenomena politik pasca PRU 2008 sekurang-kurangnya ditanggapi sebagai suatu tempoh masa yang memperlihatkan berlaku dakwaan ‘tersentuhnya’ hegemoni Melayu melalui pertikaian, penentangan dan persoalan terhadap beberapa perkara yang sinonim dengan nilai dan identiti *staatsvolk*.

Tambahan pula, dakwaan tercabarnya nilai dan identiti *staatsvolk* Melayu terus dapat dilihat sewaktu BN pertama kali hilang kuasa di peringkat kerajaan pusat pada PRU 2018. Manifestasi hal ini tergambar apabila

kerajaan PH cuba melakukan reformasi pentadbiran bagi membina naratif baharu politik Malaysia sehingga mendapat jolokan 'Malaysia Baharu' di samping mengubah status quo yang diperjuangkan BN (Dettman 2020). Antara reformasi pentadbiran PH adalah lantikan jawatan utama kerajaan seperti Menteri Kewangan, Peguam Negara dan Ketua Hakim Negara yang tidak lagi berasaskan etnik Melayu, cadangan membuka MARA dan UiTM kepada bukan Melayu dan ratifikasi undang-undang antarabangsa (Ufen 2019). Reformasi dan perubahan pentadbiran ini memberi reaksi negatif kepada kerajaan PH apabila ia didakwa sebagai kerajaan yang kurang nilai ke-Melayuannya (Mahathir Mohamad 2021). Malah, kerajaan dan kepimpinan PH terus didakwa menggugat sensitiviti Melayu Islam kerana polisi, program dan kenyataan pemimpinnya kelihatan cuba mempersoalkan status Islam sebagai agama rasmi persekutuan, mempertikai kedudukan institusi beraja, mencabar hak keistimewaan Melayu dalam perlembagaan, menilai peranan fungsi institusi dan agensi Islam seperti JAKIM, mencabar kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, mencabar Dasar Pendidikan seperti isu pengiktirafan Unified Examination Certificate (UEC) dan mengiktiraf perilaku Lesbian, Gay, Biseksual, dan Transgender (LGBT) atas nama hak asasi (Ufen 2021). Contohnya, Timbalan Setiausaha Agung DAP, Nga Kor Ming menyatakan bahawa DAP tidak teragak-agak untuk meninggalkan kerajaan PH jika ia tidak mengiktiraf UEC (Free Malaysia Today 2020). Selain itu, PH juga bertindak meneliti semula kerelevanan JAKIM daripada sudut struktur dan peranannya bagi mewujudkan pendekatan Islam yang tidak keras, zalim dan bertimbang rasa (Malaysia Gazette 2018). Terdapat juga dakwaan bahawa usaha PH untuk meratifikasi undang-undang antarabangsa seperti Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD) akan memberi kesan negatif kepada hak istimewa Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak, kedudukan Islam, tanah rizab Melayu dan tanah adat Bumiputera (Berita Harian 2018). Tambahan pula, pertemuan Menteri Agama dengan wakil komuniti transgender, Nisya Ayub menyebabkan PH didakwa menyokong LGBT (Astro Awani 2018). Justeru perbincangan di atas menunjukkan contoh-contoh peristiwa yang mencadangkan tergugatnya sensitiviti keMelayuan yang akhirnya menetuskan *demographic strength* kepada *staatsvolk* Melayu, seperti dalam penglibatan organisasi masyarakat sivil bagi menentang segala gugatan, dakwaan, kritikan dan ancaman untuk memastikan nilai dan kebudayaan Melayu Islam terus kekal mendominasi naratif politik dan pentadbiran khususnya di bahagian Semenanjung Malaysia.

Penentangan *staatsvolk* Melayu ini antaranya berlaku di peringkat negeri yang mempunyai komposisi signifikan etnik Melayu. Misalnya, di Pahang, sebanyak 14 NGO Melayu Islam seperti Angkatan Belia Islam Malaysia Pahang (ABIM), Peguam-peguam Syarie Negeri Pahang dan Jemaah Islah Malaysia Negeri Pahang (JIM) menyelar Kumpulan Tindakan Bersama untuk Persamaan Jantina (JAG) dan Sisters In Islam (SIS) berhubung kenyataan dua badan ini yang didakwa menghina Undang-undang Syariah Negeri Pahang dan menuntut badan tersebut memohon maaf secara terbuka kepada seluruh umat Islam di Malaysia (Malaysiakini 2009). Selain itu, di Pulau Pinang terdapat kira-kira 100 NGO Melayu Islam seperti Jaringan Muslimin Pulau Pinang (JMPP), Pertubuhan Kebajikan dan Dakwah Islamiah Malaysia (Pekida) dan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) berdemonstrasi membantah tindakan bekas Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng kerana membangkitkan semula isu penggunaan kalimah Allah dalam Bible (Mstar 2013). Di Melaka pula, hampir 200 NGO dan parti politik Melayu Islam berhimpun di Bukit Palah bagi mengesa kerajaan negeri menarik balik pengiktirafan UEC kerana mendakwa ia menjejaskan integrasi nasional dan perpaduan rakyat Malaysia (Malaysiakini 2018). Di Negeri Sembilan, sebanyak 500 jemaah dan beberapa NGO Melayu Islam menyertai bantahan terhadap isu penghinaan Islam dan Nabi Muhammad di Senawang sebagai amaran kepada masyarakat bukan Islam agar memahami dan menghormati sensitiviti umat Islam di Malaysia (Harian Metro 2019). Di Johor pula, terdapat 10 NGO membuat laporan polis mengesahkan fahaman Hizbur Tahrir Malaysia yang didakwa cuba memecah-belahkan perpaduan Islam di Johor kerana telah difatwakan bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah (Sinar Harian 2020). Penentangan *staatsvolk* Melayu yang berlaku di setiap negeri di atas merupakan implikasi dan aplikasi susunan struktur *staatsvolk* O'Leary (2001) dan Juhasz (2005) mengenai keperluan untuk mempunyai etnik majoriti yang tersebar ke seluruh unit persekutuan. Hal ini adalah justifikasi bahawa ciri ini berupaya memelihara dan melindungi identiti etnik majoriti dan seterusnya menyeimbangkan kestabilan persekutuan agar selari dan konsisten dengan nilai etnisiti etnik dominan.

Malah, apa yang menguatkan lagi momentum penentangan *staatsvolk* Melayu adalah, selain mengambil tempat di peringkat lokal—unit negeri dan wilayah, ia turut berlaku diperingkat nasional. Misalnya, beberapa NGO seperti Gerakan Mansuhkan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI), Persatuan Linguistik Malaysia dan Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia serta sasterawan negara seperti Prof Dr Siti Zainon Ismail dan Datuk Anwar Ridhwan membantah PPSMI kerana mendakwa ianya membebankan guru dan pelajar dan sebaliknya mahukan Bahasa Melayu diangkat menjadi bahasa ilmu (Malaysiakini 2020). Dalam isu sensitiviti agama pula, hampir 1000 orang merangkumi parti Melayu UMNO, PAS dan NGO seperti Persatuan Pengguna Islam Malaysia, Persatuan Belia Islam Nasional, Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia, Ikatan Muslimin Malaysia (Isma) berhimpun di Masjid Negara bagi membantah tindakan pihak yang menghina Islam dan Nabi Muhammad serta menggesa pihak berkuasa mengambil tindakan terhadap

individu terbabit (Free Malaysia Today 2019). Lebih 3000 peserta pula berkumpul di hadapan pusat membeli belah di Kuala Lumpur bagi menjayakan perhimpunan yang dinamakan sebagai Himpunan Pertahanan Kedaulatan Islam bagi menzahirkan kekesalan mereka susulan beberapa insiden penghinaan Islam, pertikaian kedudukan Melayu (Bumiputera) dan penentangan kepada kedaulatan Perlembagaan yang dianjurkan oleh NGO Gerakan Pembela Ummah (Ummah) dan disertai oleh pemimpin politik Melayu Islam seperti Timbalan Presiden PAS, Tuan Ibrahim Tuan Man dan Ketua Pemuda Pas, Muhammad Khalil Abdul Hadi. Malah, satu lagi penentangan *staatsvolk* Melayu yang mendapat liputan luas media adalah pada Disember 2018 apabila berlakunya sebuah perhimpunan yang melibatkan puluhan ribu demonstran yang majoritinya adalah Melayu Islam dan disertai oleh pemimpin-pemimpin utama parti politik seperti Presiden PAS, Abdul Hadi Awang, Setiausaha Majlis Syura Ulama PAS, Nik Zawawi Nik Salleh, Presiden Umno, Ahmad Zahid Hamidi, dan Ketua Pemuda Umno, Asyraf Wajdi Dusuki di samping NGO Melayu Islam seperti Isma dan Ummah bagi membantah cadangan kerajaan PH untuk meratifikasi status Rom, Icerd, isu kematian Adib dan lainnya. Malah, sebagai respon daripada perhimpunan ini, Aminuddin Yahaya, bekas Presiden Isma yang merupakan antara penggerak utama perhimpunan tersebut menegaskan golongan majoriti adalah penentu hala tuju negara (Malaysiakini 2019). Katanya,

“Golongan majoriti di negara kita ialah orang Melayu Islam. Mereka inilah yang menjadi penentu kepada hala tuju dan masa depan negara. Maka, agenda Islamisasi perlu diraikan dan diangkat setinggi-tingginya, bukannya liberalisme dan pluralisme. Jika tidak, kekacauan dan kerosakan akan berlaku akibat ketidakpuasan hati dan ketidaktenteraman dari golongan majoriti ini.”

Begitu juga dengan Saifuddin Abdullah yang pernah menjawat sebagai menteri persekutuan. Beliau berpandangan bahawa isu-isu yang berkaitan dengan Melayu Islam secara realitinya adalah amat sensitif. Maka, adalah suatu kepentingan untuk menyokong dan didokong oleh golongan majoriti yang besar ini (Saifuddin Abdullah 2021). Tambahan pula, intensiti penentangan *staatsvolk* Melayu dilihat terus menguat dalam keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur yang membenarkan penggunaan kalimah Allah dalam penerbitan penganut agama Kristian bagi tujuan pendidikan. Ini kerana, penglibatan *staatsvolk* Melayu dalam isu ini bukan sahaja melibatkan penganut, parti politik dan NGO yang berciri Melayu Islam sahaja, malah selain melibatkan institusi dan agensi Islam di peringkat negeri, ia turut diperkuatkan dengan penglibatan agensi dan institusi kerajaan persekutuan (Mohd Hapiz 2017). Ini kerana selain adanya penglibatan oleh Jakim, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (Mapim), kerajaan persekutuan melalui Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah memfailkan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi tersebut. Justeru penglibatan kerajaan persekutuan dalam pengukuhan nilai dan identiti Melayu dilihat telah memperkuatkan lagi peranan *staatsvolk* dalam mengawal kestabilan federalisme multi etnik Malaysia.

Namun begitu, isu ini secara tidak langsung mempamerkan perbezaan intensiti penentangan antara *staatsvolk* Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Jika isu tersebut memperlihatkan penentangan hebat *staatsvolk* Semenanjung, tetapi hal ini adalah berbeza kepada *staatsvolk* Bumiputera di Sabah dan Sarawak. Ini kerana *staatsvolk* Bumiputera melalui kerajaan negeri, seperti GPS di Sarawak telah membuat kenyataan rasmi menegaskan bahawa mereka akan terus mempertahankan dan memelihara toleransi beragama di Sarawak kerana ianya adalah salah satu faktor penyatuan perpaduan rakyat di negeri itu yang terdiri daripada pelbagai latar belakang bangsa dan agama (Astro Awani 2021a). Selain itu, sebanyak 53 orang wakil rakyat Sabah dan Sarawak menggesa kerajaan persekutuan menarik balik permohonan rayuan kes tersebut bagi menamatkan polemik selama 35 tahun dan penderitaan yang ditanggung oleh ramai rakyat Sabah, Sarawak dan Orang Asli (Utusan Malaysia 2021). Hal ini menunjukkan isu agama dan perkauman kurang mendapat tempat dalam kalangan *staatsvolk* di Sabah dan Sarawak kerana faktor sejarah, geografi dan kebudayaan kedua-dua buah negeri ini telah mendorong dan mencorakkan perpaduan dan toleransi dalam kalangan masyarakatnya. Sebaliknya, *staatsvolk* di Sabah dan Sarawak lebih memperjuangkan kedudukan istimewa mereka dalam perlembagaan, khususnya dalam politik dan pentadbiran kerajaan negeri. Hal ini dapat dibuktikan apabila *staatsvolk* terus mendominasi jawatan Ketua Menteri seperti Musa Aman di Sabah (2003-2018), serta Taib Mahmud (1981-2014) dan Adenan Satem (2014-2017) di Sarawak.

Namun, satu perkara penting yang diingatkan oleh McGarry & O’Leary (2009:15) ialah, *“A staatsvolk has to behave appropriately to maintain stability, i.e it must not approve of or be complicit in the maltreatment of minority nations.”* Pernyataan ini menunjukkan biarpun *staatsvolk* Melayu (Bumiputera) mempunyai kelebihan dari sudut komposisi dan perundangan negara, ia juga perlu menghormati hak kelompok etnik minoriti lain dengan mengiktiraf dan menjamin kebebasan etnik, agama, bahasa dan budaya mereka selagi mana ianya tidak bercanggah dengan perlembagaan persekutuan. Pun begitu, keberadaan *staatsvolk* dalam persekutuan Malaysia turut mempunyai limitasi kerana ia sering disalahgunakan sebagai retorik kestabilan oleh kumpulan yang mempunyai agenda dan kepentingan tertentu. Mohd Shamsul (2003:256) berhujah bahawa,

the state in Malaysia often has used the rhetoric of maintaining political stability to justify its ethnic preferential policies in various sectors discussed above. The argument is that without the provision of special rights or preferential policies in favor of the majority but backward Malays, their representation in education and administration would be marginalized, interethnic inequality in business and industry would worsen, social cohesion and national unity would be weakened, and interethnic tension would increase and political stability would be compromised.

Malah, terdapat juga kepercayaan, khususnya dalam kalangan parti-parti politik yang menganggap bahawa perlunya untuk mempunyai suatu kaum sebagai teras utama dalam mencapai kestabilan di Malaysia (Kelvin Yii 2021).

Oleh itu, pernyataan ini mencadangkan bahawa walaupun struktur Melayu sebagai *staatsvolk* berupaya mendorong kestabilan persekutuan seperti yang dibincangkan, namun kelebihan ini juga mempunyai limitasi. Limitasinya dapat dilihat melalui kewujudan persaingan dan konflik dalam kalangan parti politik yang memperjuangkan agenda *staatsvolk*, khususnya merujuk kepada persaingan parti politik Melayu sehingga pada suatu tahap mengakibatkan pembentukan beberapa parti politik Melayu lain, persaingan politik, perebutan kerusi pilihan raya dan perlumbaan merebut kepimpinan pusat dalam kalangan parti politik Melayu ini. Mengulas tentang limitasi *Staatsvolk* politik ini, Tarmizi Anuwar (2021) berkata,

Kalau tahun dulu 2014, 2013, 2008, kita tahu nak lawan dengan siapa, ada common enemy. Maksudnya, voters ni bila masuk je PRU untuk mengundi, mereka tahu siapa mereka nak mengundi. Bermaksud, mereka jelas dan clear sama ada musuh dia ke, Pakatan Rakyat ke Pakatan Harapan ke, dia clear. Tapi bila selepas 2018, antara masalah besar dia adalah perpecahan dan lebih-lebih lagi bila berlakunya transisi politik semasa Langkah Sheraton.

Justeru, implikasi fenomena ini cenderung mencetuskan ketidakstabilan politik dalam persekutuan Malaysia, misalnya yang ditunjukkan daripada permainan dan persaingan angka oleh beberapa pemimpin parti politik Melayu yang saling mendakwa mempunyai kerusi majoriti untuk membentuk kerajaan. Bukan itu sahaja, fenomena perpecahan intra-etnik ini turut berupaya menggugat kestabilan persekutuan kerana ia cenderung menjadi lebih runcing jika tidak dikawal dengan berkesan (Sivamurugan Pandian 2021). Oleh itu, limitasi parti politik *staatsvolk* ini boleh dilihat dengan perkembangan dan pertumbuhan banyaknya parti politik Melayu Islam dalam Persekutuan Malaysia selepas UMNO dan PAS seperti PKR, Bersatu, Amanah dan Pejuang. Mengulas pertumbuhan parti politik Melayu sebagai limitasi potensi *staatsvolk* ini, Tii Lian Ker (2021) berhujah seperti berikut,

apabila orang Melayu lagi ketara majoriti mereka, mereka mempunyai keyakinan diri yang lebih, mereka mula bercakaran sesama sendiri...Sebelum itu mereka tidak berani berpecah antara satu sama lain kerana takut pada dominasi komunisme dan juga kolonial orang-orang Cina dan sebagainya. So, apabila peratusan orang-orang Cina semakin kurang dan orang Melayu semakin ramai, orang Melayu sudah tidak takut lagi, so, mereka sanggup mempertaruhkan kestabilan politik semata-mata untuk merampas kuasa.

Menyokong kenyataan ini, Abang Johari, pengerusi GPS turut menyatakan, *"If you are the majority but split, you won't be able to move forward. Look at Peninsular Malaysia, the Malay is the majority but there are six political parties and another one is coming up. "There is no way to have a united force if you're split"* (Malay Mail 2020). Justeru, perbincangan ini menunjukkan bahawa *staatsvolk* 'etnik' adalah lebih cenderung mendorong kepada kekuatan *demographic strength* dan kestabilan politik berbanding *staatsvolk* 'politik'. Walaupun begitu, perbincangan dan contoh peristiwa yang dinyatakan mencadangkan bahawa nilai dan identiti *staatsvolk* perlu dilindungi dan dikekalkan agar keharmonian dan kestabilan federalisme multi etnik Malaysia adakal terkawal. Ini kerana walaupun berkomposisi majoriti, *staatsvolk*-nya secara umum dinilai masih mempunyai nilai toleransi, sifat penerimaan dan keterbukaan terutamanya sejak pembentukan perlembagaan sehinggalah kepada kelangsungan hubungan antara kaum (Muhammad Fauzi 2021). Oleh itu, biarpun *staatsvolk* Melayu (Bumiputera) bukanlah faktor tunggal dalam menyumbang kepada kestabilan persekutuan, namun pengalaman dan peristiwa di atas, di samping penghormatan dan pengiktirafan *staatsvolk* terhadap kelangsungan etnik minoriti sekurang-kurangnya telah mendorong wujudnya kestabilan persekutuan dan mengekalkan kelangsungan federalisme multi etnik Malaysia agar selari dan konsisten dengan nilai dan etnisiti kumpulan majoriti.

7. Kesimpulan

Hasil perbincangan mendapati etnik Bumiputera yang merangkumi etnik Melayu dan kumpulan-kumpulan etnik tertentu di Sabah dan Sarawak dengan demografinya yang berkomposisi majoriti memenuhi ciri dan kriteria *staatsvolk*. Perbincangan juga menunjukkan bahawa Bumiputera tidak bersifat mendiami sesebuah wilayah tunggal (*core ethnic region*), tetapi keberadaannya terdapat di seluruh bahagian Persekutuan Malaysia sahaja. Ia berkomposisi majoriti di sebahagian besar negeri dan wilayah dalam Persekutuan Malaysia dengan Kelantan dan Terengganu mencatatkan peratusan tertinggi etnik Bumiputera, manakala Pulau Pinang pula mencatatkan peratusan terendah. Kelebihan yang dimiliki *staatsvolk* seperti dari sudut demografi, kedudukan, rujukan utama dalam pentadbiran negara dan kedudukan istimewa yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan merupakan antara faktor yang menjadikan *staatsvolk* sangat dominan dan vokal berbanding kumpulan etnik lain dalam federalisme multi etnik Malaysia. Kelebihan ini dimanfaatkan melalui mobilisasi badan bukan kerajaan yang bergerak berpaksikan ideologi dan sentimen Melayu dan Islam bagi melindungi nilai dan identiti etnik majoriti seperti pemerintahan beraja, agama Islam, Bahasa Melayu dan kedudukan istimewa Melayu. Limitasinya pula dapat dilihat melalui kewujudan persaingan dan konflik dalam kalangan parti politik yang memperjuangkan agenda *staatsvolk*, khususnya merujuk kepada persaingan parti politik Melayu yang pada tahap tertentu mengakibatkan pembentukan beberapa parti politik Melayu lain, persaingan politik, perebutan kerusi pilihan raya dan perlumbaan merebut kepimpinan pusat.

Sebagai etnik majoriti dan dominan dengan pengukuhan beberapa kelebihan yang tidak dipunyai oleh etnik minoriti lain, Melayu (Bumiputera) dilihat akan terus berperanan sebagai *staatsvolk* dalam berusaha mempertahankan, memperjuang dan memperkasakan nilai dan identiti utama etnik mereka dalam kelangsungan federalisme multi etnik Malaysia. Ditambah pula dengan keunikan unit-unit persekutuan Malaysia yang memperlihatkan hampir semua negeri mempunyai peratusan *staatsvolk* yang signifikan. Atas faktor ini, maka *staatsvolk* Melayu (Bumiputera) dilihat akan terus memanfaatkan kelebihannya, sama ada dari sudut tempatan, mahupun dari sudut nasional agar terwujudnya *demographic strength* secara keseluruhan dalam berhadapan dengan tuntutan dan desakan etnik minoriti lain. Ini bagi memastikan agar etnik minoriti tidak sewenangnyanya dan dengan sengaja menyentuh nilai dan ciri utama etnik majoriti yang dinilai sebagai suatu perkara yang sangat sensitif dan berisiko mencetuskan ketegangan. Walaupun begitu, perbincangan turut menunjukkan bahawa kelangsungan federalisme multi etnik Malaysia dengan dikotomi persaingan antara etnik majoriti dan minoritinya adalah masih stabil tanpa ada cubaan yang boleh menggugat kestabilan persekutuan.

Penghargaan

Penulis mengucapkan terima kasih kepada Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia kerana menerbitkan penulisan ini.

Konflik Kepentingan

Penulis mengumumkan bahawa tidak ada konflik kepentingan yang berkaitan dengan penerbitan makalah ini.

Sumbangan Penulis

Persiapan artikel ini melibatkan kerjasama semua penulis.

Rujukan

- Abdul Rashid Moten. (2009). 2004 and 2008 general elections in Malaysia: Towards a multicultural, bi-party political System? *Asian Journal of Political Science*, 17(2), 173-194.
- Abraham, C.E.R. (1983). Racial and ethnic manipulation in colonial Malaya. *Ethnic and Racial Studies*, 6(1), 18-32.
- Adeney, K. (2007). *Federalism and Ethnic Conflict Regulation in India and Pakistan*. United States: Palgrave Macmillan US.
- Astro Awani. (2018). Bertemu Nisha Ayub tidak bermakna bersetuju perjuangan LGBT – Mujahid. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bertemu-nisha-ayub-tidak-bermakna-bersetuju-perjuangan-lgbt-mujahid-182780?> [10 Januari 2024].
- Astro Awani. (2021a). Kalimah Allah: Tiada larangan buat penganut Kristian di Sarawak. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kalimah-allah-tiada-larangan-buat-penganut-kristian-di-sarawak-288712?> [11 Januari 2024].
- Astro Awani. (2021b). Kerajaan fail rayuan keputusan kes kalimah 'Allah' 15 Mac. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-fail-rayuan-keputusan-kes-kalimah-allah-288176> [7 April 2021].

- Berita Harian. (2018). Artikel 1(4) ICERD bercanggah Perlembagaan Persekutuan. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/11/501460/artikel-14-icerd-bercanggah-perlembagaan-persekutuan> [10 Januari 2024].
- Connor, W. (1994). *Ethnonationalism: The Quest for Understanding*. New Jersey: Princeton University Press.
- Department of Statistics Malaysia [DOSM]. (2021). Current Population Estimates, Malaysia, 2017-2018. https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=155&bul_id=c1pqTnFjb29HSnNYNUpiTmNWZHArDz09&menu_id=L0pheU43NWJwRWVVSzkIWdzQ4TlhUUT09 [10 Januari 2024].
- Dettman, S.C. (2020). Authoritarian innovations and democratic reforms in the New Malaysia. *Democratization*, 27(6), 1037-1052.
- Fazril Salleh. (2021). Federalisme, Kerencaman Budaya dan Kestabilan Politik di Malaysia, 2008-2021, Bangi. Temu bual. 29 Mac.
- Francis Loh, K.W. (2009). *Old vs New Politics in Malaysia: State and Society in Transition*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Free Malaysia Today. (2019). NGO, Umno dan PAS himpun di Masjid Negara bantah tindakan hina Islam. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2019/03/01/ngo-umno-dan-pas-himpun-di-masjid-negara-bantah-tindakan-hina-islam/> [11 Januari 2024].
- Free Malaysia Today. (2020). Iktiraf UEC atau DAP tinggalkan kerajaan PH, kata Nga. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2020/01/29/iktiraf-uec-atau-dap-tinggalkan-kerajaan-ph-kata-nga/> [10 Januari 2024].
- Goh Cheng Teik. (1989). *Racial Politics in Malaysia*. Petaling Jaya: FEP International.
- Hale, H.E. (2004). Divided we stand: Institutional sources of ethnofederal state survival and collapse. *World Politics*, 56(2), 165-193.
- Harding, A.J. & Chin, J. (2014). *50 years of Malaysia: Federalism Revisited*. Singapore: Marshall Cavendish Editions.
- Harian Metro. (2019). 500 berhimpun bantah hina Nabi Muhammad. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/03/428769/500-berhimpun-bantah-hina-nabi-muhammad> [11 Januari 2024].
- Ismail Bakar. (2007). Multinational federation: The case of Malaysia. Dalam. Burgess, M. & Pinder, J. (pnyt.). *Multinational Federations*, hlm. 68-85. London and New York: Routledge.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). Portal Data Terbuka Malaysia. Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia.
- Juhasz, J. (2005). Ethno-federalism: Challenges and opportunities. *Medjunarodni problem*, 57(3), 245-263.
- Kelvin Yii. (2021). Federalisme, Kerencaman Budaya dan Kestabilan Politik di Malaysia, 2008-2021, Aplikasi Google Meet. 31 Mac.
- Malay Mail. (2020). 'Extreme' Umno not welcome in Sarawak, says Abang Johari. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/09/03/extreme-umno-not-welcome-in-sarawak-says-abang-johari/1899904> [12 Januari 2024].
- Malaysia Gazette. (2018). Kembalikan semula peranan JAKIM. <https://malaysiagazette.com/2018/05/30/kembalikan-peranan-jakim-agar-islam-tidak-dipandang-zalim-keras/> [10 Januari 2024].
- Malaysiakini. (2009). 14 NGO Islam Pahang selar SIS, JAG. <https://www.malaysiakini.com/news/114100> [11 Januari 2024].
- Malaysiakini. (2018). Ahli NGO, PAS bantah pengiktiran UEC. <https://www.malaysiakini.com/news/433036> [11 Januari 2024].
- Malaysiakini. (2019). Apa pengajaran dari Himpunan Bantah Icerd? 26 Februari. <https://www.malaysiakini.com/columns/465577> [411 Januari 2024].
- Malaysiakini. (2020). Sasterawan Negara anggap cadangan PPSMI satu 'jenaka' Dr Mahathir. <https://www.malaysiakini.com/news/509814> [11 Januari 2024].
- McGarry, J. & O'Leary, B. (2009). Must Pluri-national Federations Fail? *Ethnopolitics*, 8(1), 5-25.
- Mohammad Agus Yusoff. (2006). *Malaysian Federalism: Conflict and Consensus*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Hapiz Mahaiyadin. (2017). Hubungan Maqasid Syariah dan Siasah Syar'iyah dalam urus tadbir negara. *ESTEEM Journal of Social Sciences and Humanities*, 1, 23-28.
- Mohd Shamsul Haque. (2003). The role of the state in managing ethnic tensions in Malaysia: A critical discourse. *American Behavioral Scientist*, 47(3), 240-266.
- Mstar. (2013). Kalimah Allah: 10 NGO Kuala Muda Desak Guan Eng Mohon Maaf. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2013/01/26/kalimah-allah-10-ngo-kuala-muda-desak-guan-eng-mohon-maaf> [11 Januari 2024].
- Muhammad Fauzi Asmuni. (2021). Federalisme, Kerencaman Budaya dan Kestabilan Politik di Malaysia, 2008-2021, Pejabat ISMA, Bangi, Temu bual. 8 April.

- Norhayati Mohd Salleh. (2008). *Pilihan Raya Umum Ke-12 (PRU-12): "Tsunami" politik Melayu? Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 35, 49-64.
- O'Leary, B. (2001). An iron law of nationalism and federation? A (neo-Diceyan) theory of the necessity of a federal Staatsvolk, and of consociational rescue. *Nations and Nationalism*, 7(3), 273-296.
- Ostwald, K. (2017). *Federalism without decentralization: Power consolidation in Malaysia. Journal of Southeast Asian Economies*, 34(3), 488-506.
- Ratnam, K.T. (1965). *Communalism and Political Process in Malaya*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Salawu, B. (2010). Ethno-religious conflicts in Nigeria: Causal analysis and proposals for new management strategies. *European Journal of Social Sciences*, 13(3), 345-353.
- Shafruddin, B.H. (1987). *The Federal Factor in the Government and Politics of Peninsular Malaysia*. Singapore: Oxford University Press.
- Shamsul, A.B. (1996). Nations-of-intent in Malaysia. Dalam. Tonnesson, S. & Antlov, H. (pnyt.). *Asian Forms of the Nation*, hlm. 323-347. London: Curzon.
- Simandjuntak, B. (1969). *Malayan Federalism, 1945-1963: A Study of Federal Problems in a Plural Society*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Sinar Harian. (2020). Johor perangi fahaman Hizbur Tahrir. <https://www.sinarharian.com.my/article/103256/edisi/johor/johor-perangi-fahaman-hizbut-tahrir> [11 Januari 2024].
- Singh, H. (2001). Ethnic conflict in Malaysia revisited. *Commonwealth & Comparative Politics*, 39(1), 42-65.
- Sivamurugan Pandian. (2021). Federalisme, Kerencaman Budaya dan Kestabilan Politik di Malaysia, 2008-2021, Kuala Lumpur. Temu bual. 23 April.
- Tarmizi Anuwar. (2021). Federalisme, Kerencaman Budaya dan Kestabilan Politik di Malaysia, 2008-2021, Bangi. Temu bual. 5 Mac.
- Tii Lian Ker. (2021). Federalisme, Kerencaman Budaya dan Kestabilan Politik di Malaysia, 2008-2021, Pejabat Timbalan Menteri, Putrajaya. Temu bual, 5 Mei.
- Ting, H. (2009). The politics of national identity in West Malaysia: Continued mutation or critical transition? *Southeast Asian Studies*, 47(1), 31-51.
- Mahathir Mohamad. (2021). Federalisme, Kerencaman Budaya dan Kestabilan Politik di Malaysia, 2008-2021, Aplikasi Zoom. Temu bual, 17 Mei.
- Ufen, A. (2019). Opposition in transition: Pre-electoral coalitions and the 2018 electoral breakthrough in Malaysia. *Democratization*, 27(2), 167-184.
- Ufen, A. (2021). The downfall of Pakatan Harapan in Malaysia: Coalitions during transition. *Asia Survey*, 61(2), 273-296.
- Utusan Malaysia. (2021). Wakil rakyat Sabah, Sarawak gesa tarik keputusan rayuan. <https://www.utusan.com.my/berita/2021/03/wakil-rakyat-sabah-sarawak-gesa-tarik-keputusan-rayuan/> [11 Januari 2024].
- Vasil, R.K. (1980). *Ethnic Politics in Malaysia*. New Delhi: Radiant.